

09 JUL 2002

Nik Aziz-maki

NIK AZIZ AKUI PERBUATAN SALAH PEMIMPIN PAS

KOTA BAHARU, 9 Julai (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata perbuatan sesetengah pemimpin parti itu menggunakan cacian dan memaki hamun pemimpin tertinggi Umno adalah salah.

Bagaimanapun, katanya, Umno turut melakukan banyak kesalahan terhadap Pas apabila menggunakan jentera kerajaan pusat seperti siaran televisyen untuk mempengaruhi rakyat dengan memburuk-burukkan pemimpin Pas.

"Jadi sama-sama jahatlah," kata Menteri Besar Kelantan itu kepada pemberita di sini hari ini.

Sejak beberapa hari lepas, RTM menyiarkan sedutan ceramah anggota Jawatankuasa Kerja Pusat Pas, Mohamad Sabu, yang menghina Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menyifatkan Perdana Menteri sebagai orang gila dan "haprak".

Nik Aziz berkata langkah Umno menggunakan jentera kerajaan bagi menentang Pas adalah tidak adil.

Terdahulu, Nik Aziz merasmikan pelancaran kutipan derma bagi Akaun Amanah Kebajikan Darul Naim atau lebih dikenali sebagai "Tabung Serambi Mekah" sempena ulang tahun ke-12 penubuhan tabung itu.

Katanya bagi menggalakkan rakyat dan pihak swasta berderma, beliau mencadangkan supaya peti derma diletakkan di setiap kawasan tumpuan orang ramai seperti bank, pasar raya dan kedai.

Pada majlis itu sebanyak RM1.25 juta sumbangan daripada syarikat dan individu dikutip bagi tabung itu dengan sumbangan terbesar sebanyak RM676,000 daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Abdul Halim Abdul Rahman yang juga Pengerusi Jawatankuasa Akaun Amanah Kebajikan Darul Naim berkata kutipan tabung itu digunakan bagi membantu rakyat Kelantan tanpa mengira bangsa dan agama.

"Malahan ada wang daripada tabung itu kita keluar bagi menurap jalan di tokong-tokong," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI